



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN KAWALAN
JANGKITAN COVID-19
BAGI ORANG KURANG UPAYA
(OKU) DI *INDEPENDENT LIVING*
***CENTRE* (ILC)**

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKASURAT
1.	Pengenalan	1
2.	Tujuan	2
3.	Kumpulan Sasar	2
4.	Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil Bagi Pengoperasian Semula Perkhidmatan ILC	2 – 5
5.	Peranan Dan Tanggungjawab Penyelaras ILC	5 – 7
6.	Panduan Kepada Penyampaian Perkhidmatan Pembantu Peribadi (<i>Personal Assistant</i>)	7
7.	Panduan Kepada Kaunselor Rakan Sebaya (<i>Peer Counsellor</i>)	7 – 8
8.	Panduan Bagi Penyampaian Program Hidup Berdikari (<i>Independent Living Programme – ILP</i>)	9 – 10
9.	Penutup	10

1.0 PENGENALAN

1.1 *Independent Living Centre* (ILC) merupakan salah satu perkhidmatan asas yang ditawarkan oleh kumpulan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk memperkasakan OKU. Selain memberi tumpuan kepada aspek penentuan matlamat sendiri, kemahiran *Independent Living* (IL) diberikan agar OKU lebih bersedia dan peka terhadap keperluan mereka untuk memulakan kehidupan secara berdikari. OKU juga mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dan diberi penghormatan sebagai individu dalam masyarakat. Melalui IL, kecacatan atau kekurangan (*impairment*) bukan sebagai penghalang untuk OKU berada atau turut serta dalam aktiviti bermasyarakat.

1.2 Falsafah *Independent Living Centre* (ILC) adalah memberi penekanan terhadap kebebasan kepada OKU dalam membuat keputusan, menentukan hala tuju atau matlamat hidup mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri merangkumi pelbagai aspek kehidupan dan memberi penghormatan kepada OKU sebagai ahli komuniti yang mempunyai hak dan keperluan bagi kelangsungan hidup.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada penyampaian perkhidmatan ILC bagi mencegah dan mengawal risiko jangkitan COVID-19.
- 2.2 Penggunaan garis panduan ini hendaklah terpakai bersama-sama dengan arahan Kerajaan dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa.

3.0 KUMPULAN SASAR

Garis panduan ini terpakai kepada semua ILC di bawah JKMM dan disarankan kepada semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persendirian dan swasta yang menyampaikan perkhidmatan ILC kepada OKU.

4.0 LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL BAGI PENGOPERASIAN SEMULA PERKHIDMATAN ILC

4.1 Keselamatan Kakitangan

- i. Semua kakitangan/petugas di ILC perlu mengisi Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan bagi pengoperasian semula perkhidmatan ILC.
- ii. Penerangan berkenaan kebiasaan baharu kepada semua petugas di ILC dan OKU yang mendapatkan perkhidmatan perlu diberikan termasuk kepentingan kepada penjarakan sosial yang selamat, dalam

mencegah jangkitan COVID-19. Kaedah penerangan adalah merangkumi kaedah visual, bahasa isyarat, demonstrasi langkah demi langkah, cetakan dengan gambar dan tulisan yang jelas dan besar, brail dan audio agar mereka lebih mudah memahaminya.

- iii. Kakitangan/Petugas ILC perlu diberikan latihan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan serta kaedah bagi pelaksanaan aktiviti.
- iv. Amalkan **3W** iaitu ***Wear, Wash, dan Warn*** sebagai perlindungan diri (*personal protection*):
 - a. Memastikan penyelaras, kakitangan/petugas, penghuni dan pelawat menggunakan alat perlindungan diri pada setiap masa (***Wear***) seperti memakai pelitup separuh muka (*face mask*);
 - b. Amalan mencuci tangan (***Wash***) yang kerap menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*);
 - c. Sentiasa mengamalkan etika batuk dan bersin; dan
 - d. Mengamalkan penjarakan fizikal dengan memberi amaran berkonsepkan peringatan (***Warn***) untuk berada pada jarak yang selamat sekurang-kurangnya 1 meter dan mengamalkan polisi tidak bersalaman dengan meletak tangan di dada dan tunduk sedikit tanda hormat.

- v. Mengelakkan 3C sebagai pelindungan diri, seperti berikut:
 - a. Elakkan Tempat Sesak (*Crowded Places*): Mengelakkan / mengurangkan aktiviti di tempat sesak dengan mengamalkan penjarakan fizikal yang selamat (sekurang-kurangnya 1 meter) pada setiap masa
 - b. Elakkan Tempat Tertutup (*Confined Spaces*); Mengelakkan kawasan / tempat tertutup pada setiap masa seperti berkumpul di ruang makan atau bilik. Pastikan ruangan tertutup mempunyai pengudaraan yang baik; dan
 - c. Elakkan Bercakap Pada Jarak Dekat (*Close Conversation*): Mengelakkan bercakap secara dekat semasa aktiviti seperti bermesyuarat, bercakap di kaunter, semasa di ruang kerja, ruang rehat dan lain-lain.

4.2 Keselamatan di Premis

- i. Premis ILC perlu dibersihkan dan dinyahkuman sebelum beroperasi semula.
- ii. Meletakkan label penjarakan fizikal seperti tanda jarak sekurang-kurangnya 1 meter di lantai ruang umum.
- iii. Menyediakan bahan cuci tangan (air dan sabun atau *hand sanitizer*) dan pelitup separuh muka mencukupi bagi

kegunaan kakitangan dan OKU yang datang ke ILC. Kakitangan/petugas digalakkan sentiasa memakai pelitup separuh muka pada setiap masa.

- iv. Menjalankan proses sanitasi dan nyahkuman di premis setiap hari.
- v. Memaparkan bahan pendidikan kesihatan mengenai COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai panduan kepada para pelanggan berhubung langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil.

5.0 PERANAN DAN TANGUNGJAWAB PENYELARAS ILC

- 5.1 Memastikan semua peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan COVID-19 dipatuhi.
- 5.2 Memastikan petugas dan OKU yang berurusan di ILC mempraktikkan saranan KKM mengenai kepentingan mengamalkan prinsip 3W, iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (*wear*) dan amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (*warn*) termasuk mengamalkan penjarakan sosial. Sebagai tambahan, semua individu juga hendaklah mengelakkan 3S atau 3C iaitu jauhi kawasan yang sesak (*crowded place*), elak kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak bersembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*) bagi mencegah jangkitan COVID-19.

- 5.3 Menyediakan laluan masuk dan keluar premis secara terarah dan sehalu bagi mengawal pergerakan OKU pada satu-satu masa dan mengelakkan kesesakan ruang.
- 5.4 Melantik petugas yang bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan suhu kepada setiap orang yang memasuki premis ILC setiap hari. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5°C atau yang mempunyai gejala seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas tidak dibenarkan masuk ke dalam premis ILC.
- 5.5 Menyediakan dokumen dan menyelenggara rekod berkaitan kehadiran dan status kesihatan setiap individu yang memasuki premis bagi mendapatkan perkhidmatan ILC. Kakitangan/petugas digalakkan menggunakan aplikasi MySejahtera bagi tujuan merekod kehadiran setiap hari.
- 5.6 Penyelaras ILC digalakkan untuk mendaftar aplikasi MySejahtera (<http://mysejahtera.malaysia.gov.my/checkin>) bagi mendapatkan kod QR MySejahtera Check-In dan mempamerkan kod QR tersebut di pintu masuk premis.
- 5.7 Penggunaan aplikasi MySejahtera digalakkan bagi tujuan merekod kehadiran setiap hari, selain daripada pendaftaran secara manual bagi rekod penyelaras ILC. Individu perlu memuat turun aplikasi MySejahtera, mengimbas kod QR MySejahtera Check-In yang dipamerkan di pintu masuk, sebelum masuk ke premis.

5.8 Aplikasi MySejahtera juga amat bermanfaat bagi mengetahui informasi terkini berkenaan COVID-19.

6.0 PANDUAN KEPADA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PEMBANTU PERIBADI (*PERSONAL ASSISTANT*)

6.1 Pembantu Peribadi (PA) akan menerima permintaan perkhidmatan tersebut hanya melalui mesej *WhatsApp* atau panggilan telefon daripada Penyelaras ILC.

6.2 PA harus memeriksa suhu badan mereka dan memastikan mereka sihat. Sekiranya tidak sihat, PA perlu meninggalkan premis segera dan maklumkan kepada Penyelaras ILC.

6.3 Sebelum sesuatu perkhidmatan diberikan, PA perlu memeriksa suhu badan dan menjalankan saringan gejala dan kemudian, memeriksa pula suhu badan OKU. Gunakan “termometer tanpa kontak” seperti alat pengimbas suhu digital dan termometer *infrared*.

6.4 Sekiranya bergejala seperti demam (suhu badan melebihi 37.5°C), selesema, batuk, sakit tekak, dan kesukaran bernafas, PA perlu menangguhkan perkhidmatan dan memaklumkan kepada Penyelaras ILC.

7.0 PANDUAN KEPADA KAUNSELOR RAKAN SEBAYA (*PEER COUNSELLOR*)

7.1 Kaunselor Rakan Sebaya/Peer Counselor (PC) digalakkan untuk bekerja dari rumah dan melapor diri ke pejabat hanya apabila perlu. Kebenaran mesti diperoleh daripada Penyelaras mereka sebelum memasuki pejabat.

7.2 Semua PC yang perlu bekerja di pejabat mesti mematuhi penjarakan sosial yang diwajibkan.

- 7.3 Semua komunikasi diantara PC dan OKU digalakkan dilakukan melalui telefon, e-mel atau *WhatsApp*.
- 7.4 PC akan berterusan memantau keperluan dan permintaan OKU dan memberikan kaunseling sebagaimana diperlukan.
- 7.5 Sekiranya perkhidmatan bimbingan secara bersemuka perlu dibuat:
- i. Memastikan semua prosedur dan langkah kawalan dipatuhi serta pengudaraan bilik kaunseling adalah baik;
 - ii. Memastikan semua OKU yang ingin mendapatkan bimbingan diberi maklumat berkaitan peraturan dan langkah kawalan yang perlu dipatuhi sepanjang waktu sesi bimbingan berjalan;
 - iii. Setiap OKU yang diberi bimbingan digalakkan memakai pelitup separuh muka serta mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer* yang disediakan; dan
 - iv. Memastikan kedudukan OKU yang diberi bimbingan mematuhi penjarakan sosial yang selamat.

8.0 PANDUAN BAGI PENYAMPAIAN PROGRAM HIDUP BERDIKARI (*INDEPENDENT LIVING PROGRAMME – ILP*)

8.1 Petugas ILC yang mempromosi ILP kepada semua OKU yang terlibat dengan program ILP bagi mendorong, membimbing dan melatih OKU untuk hidup berdikari perlu mengikut saranan yang ditetapkan oleh KKM.

8.2 Semua sesi latihan ILP digalakkan dijalankan melalui persidangan dalam talian.

8.3 Sekiranya ILP secara bersemuka perlu dibuat :

- i. Memastikan semua prosedur dan langkah kawalan dipatuhi serta pengudaraan premis ILC berfungsi dengan baik;
- ii. Memastikan semua OKU yang terlibat dengan program ILP diberi maklumat berkaitan peraturan dan langkah kawalan yang perlu dipatuhi sepanjang waktu sesi bimbingan berjalan;
- iii. Setiap OKU yang terlibat dengan program ILP digalakkan memakai pelitup separuh muka (*face mask*) serta mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer* dengan kerap; dan
- iv. Memastikan semua yang terlibat dengan program ILP mematuhi penjarakan sosial yang selamat.

8.4 Semua latihan luar yang berkaitan dengan ILP hendaklah mematuhi langkah-langkah keselamatan seperti berikut :

- ii. OKU yang terlibat dengan program ILP sentiasa diberikan peringatan tentang penjagaan asas kebersihan seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun/ *hand sanitizer*, mengamalkan etika batuk dan bersin, memakai pelitup separuh muka dan

mengamalkan penjarakan sosial yang selamat setiap kali menjalani aktiviti di luar institusi.

- iii. Dilarang membuat aktiviti dalam kumpulan besar. Jika perlu diadakan, hendaklah mengambilkira penjarakan sosial yang selamat.
- iv. Wajib memakai pelitup separuh muka (*face mask*) dan membasuh dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* sebelum dan selepas melaksanakan program aktiviti.

9.0 PENUTUP

Garis panduan ini dapat dijadikan rujukan kepada semua petugas ILC dalam pencegahan dan pengawalan jangkitan COVID-19.

Disediakan oleh
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
Ogos 2020